

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 22 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 47

## Sisa pepejal bebbankan tapak pelupusan sampah



**TAN CHEN CHOON** (empat dari kanan) memasukkan sisa makanan ke dalam mesin memproses sisa makanan semasa melancarkan Program Pengkomposan Sisa Makanan di Sutera Mall, Johor Bahru, Johor, semalam.

**JOHOR BAHRU 21 Sept.** - Dianggarkan setiap penduduk di negeri ini menghasilkan sehingga satu kilogram sisa pepejal sehari dan antara 30 hingga 40 peratus daripadanya merupakan sisa makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon berkata, penduduk negeri ini menghasilkan 3,600 tan sisa pepejal setiap hari.

"Berdasarkan statistik, antara 30 hingga 40 peratus sisa pepejal adalah sisa makanan. Ini membebankan tapak pelupusan sampah sekali gus memberi kesan kepada alam sekitar dan kehidupan seharian kita.

"Program ini menggalakkan

usaha menukar sisa makanan menjadi baja kompos. Jika sisa makanan diurus di peringkat kediaman, ini akan membantu merealisasikan Dasar Kelestarian Negeri Johor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Program Pengkomposan Sisa Makanan dan Majlis Perasmian Pameran Good Earth 2019 di pusat beli-belah Sutera Mall di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Skudai, Tan Hong Pin; Pengurus Besar Korporat SWM Environment Sdn. Bhd., Norlisam Mohd. Nordin dan Penolong Pengurus Besar (Hartanah) Tanah Sutera, Lau Tek Ching.

Tambah Chen Choon, pihak-

nya memuji inisiatif Tanah Sutera yang mengadakan program tersebut dengan kerjasama syarikat pembersihan SWM Environment Sdn. Bhd..

"Dengan kerjasama syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan individu perseorangan, kami berharap usaha ini akan dapat diperluas di banyak lagi tempat seluruh negeri," katanya.

Sementara itu, Tek Ching memberitahu pihaknya telah menjayakan pelbagai program berkonsepkan alam sekian antaranya Ladang Sutera Good Earth yang dimulakan sejak 2018.

"Menerusi program ini, kami berjaya mengumpulkan sebanyak 60 tan sisa makanan setiap bulan dalam komuniti kami sebelum ini," katanya.